

# Pencorak wajah negara

UM - 20/11/2006

Oleh ZIN MAHMUD  
(WARTAWAN UTUSAN)

**KEPELBAGAIAN** aktiviti Allahyarham Tan Sri Mohamed Khir Johari sepanjang hidupnya daripada 29 Januari 1923 hingga semalam, sukar untuk menamakan bidang mana yang beliau banyak tumpukan sumbangannya.

Tetapi yang pasti, beliau adalah satu-satunya tokoh yang namanya diabadikan sekurang-kurangnya di lapan sekolah di seluruh negara.

Sekolah-sekolah itu ialah Sekolah Kebangsaan Khir Johari di Prai (Pulau Pinang), Kampung Melayu Majidee (Johor), Sungai Petani (Kedah), Sabak Bernam (Selangor) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari Sungai Petani (Kedah), Tanjung Malim (Perak), Beranang (Selangor) dan Bagin Datoh (Perak).

Di samping sebagai seorang ahli politik yang turut serta dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan negara, Allahyarham juga adalah menteri pelajaran yang mengasaskan hala tuju awal pendidikan negara. Beliau mengakhiri perkhidmatannya dengan kerajaan sebagai Duta Besar Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1973.

Allahyarham juga terkenal sebagai ahli korporat yang aktif dan juga memimpin badan sukan meliputi badminton, sepak takraw dan tenis.

Pernah dinobatkan sebagai Bapa Sepak Takraw semasa Kejohanan Sepak Takraw MAS-Utusan-RTM pada tahun 1987. Sementara pialanya dinamakan Piala Emas Khir Johari.

Tetapi namanya juga terkenal sebagai seorang yang terke depan dalam memimpin badan-badan berhubung kehidupan liar, perkara ini ternyata dengan Allahyarham pernah menjawat Presiden Persatuan Zoologikal Malaysia dan pengasas bersama serta presiden pergerakan pemeliharaan kehidupan liar, WWF Malaysia.

Dalam pada itu, Allahyarham juga adalah pengasas akhbar *Watan* yang mula diterbitkan pada tahun 1976 sebagai akhbar dwibahasa.

Daripada segala aktiviti sepanjang 83 tahun, apa yang dapat dirumuskan bukannya

sekadar kecergasan dan minatnya yang pelbagai itu. Lebih daripada itu ialah satu mentaliti yang beliau mahu wujudkan di Malaysia iaitu keterbukaan, keluasan fikiran, kepelbagaian, kebebasan, kemodenan, keharmonian, kemanusiaan dan kesejahteraan yang Allahyarham mahu terapkan dalam kefahaman mengenai kemerdekaan negara.

Perspektif demikianlah yang beliau cuba bawa sepanjang menjadi menteri dari tahun 1957 hingga 1973 meliputi portfolio pelajaran, perdagangan dan perindustrian serta pertanian dan koperasi.

Dengan aliran yang dianggap pro-Barat, beliau menjadi penyokong kuat dasar-dasar Tunku Abdul Rahman dan sebaliknya menjadi sasaran kritikan daripada golongan kiri, agama dan juga nasionalis ultra seperti pejuang bahasa. Allahyarham dianggap lebih hampir kepada pihak bukan Melayu dan Barat.

Perkara ini dapat dilihat umpamanya dalam satu petikan akhbar *Utusan Melayu* bertarikh 19 Mac 1967.

Berita itu berbunyi: "Kementerian Pelajaran akan mengambil alih Dewan Bahasa dan Pustaka yang dikatakan sekarang menjadi sarang politik untuk menentang kerajaan.

"Encik Mohamad Khir Johari, Menteri Pelajaran yang memberikan amaran ini hari ini berkata bahawa tindakan ambil alih itu akan dilakukan setelah pembersihan dijalankan ke atas anasir-anasir yang menentang kerajaan.

"Mungkin jika mustahak kementerian sendiri akan mengambil alih dewan itu sebagai satu jabatan di bawahnya dan anasir-anasir yang tidak diingini itu disingkir untuk menjaga kebersihan dewan itu, kata Encik Khir."

Laporan berita itu menggambarkan betapa DBP yang kakitangannya banyak terdiri daripada orang kiri dan pejuang bahasa pada ketika itu bertembung dengan Menteri Pelajaran.

Kemuncak serangan terhadap Allahyarham ialah ketika pilihan raya umum tahun 1969 yang mana seperti yang diceritakan oleh Tunku Abdul Rahman dalam bukunya *Sebelum dan Selepas 13 Mei*, Pas telah menyebarkan gambar Khir dalam pakaian Cina untuk memburukkan Perikatan.

Bagaimanapun, beliau tetap

Dengan aliran yang dianggap pro-Barat, beliau menjadi penyokong kuat dasar-dasar Tunku Abdul Rahman dan sebaliknya menjadi sasaran kritikan daripada golongan kiri, agama dan juga nasionalis ultra seperti pejuang bahasa

berjaya mengalahkan calon Pas dan mempertahankan kerusinya di Kedah Tengah bagi penggal keempat. Allahyarham tidak pernah kalah pilihan raya sehingga bersara daripada politik.

Justeru, dari sudut sejarah politik negara, beliau yang merupakan anggota Kabinet pertama Tanah Melayu merdeka dan pemimpin UMNO awal dianggap sebagai orde lama bersama Tunku.

Maka zaman beliau sebagai ahli politik berada di penghujungnya selepas Tunku Abdul Rahman melepaskan jawatan.

Tetapi Allahyarham adalah pejuang kemerdekaan yang berhenti menjadi guru Kolej Sultan Abdul Hamid pada tahun 1948 setelah mengajar tiga tahun untuk aktif dalam pergerakan kemerdekaan Saberkas sebagai Setiausaha Agung.

Pertubuhan ini kemudian bergabung di dalam UMNO dan beliau menjadi ahli Majlis

Bandaran Alor Star dari tahun 1952 hingga 1954 sebelum menyanggah jawatan sebagai Pembantu Menteri Hal Ehwal Ekonomi pada tahun 1956.

Dalam UMNO, Allahyarham menyanggah jawatan Setiausaha Agung dan Naib Yang Dipertua UMNO sehingga tahun 1970.

Jawatan kabinet akhir yang Allahyarham sandang ialah pada tahun 1973, selaku menteri tidak berportfolio apabila menjadi Duta Besar Malaysia ke PBB dan juga bagi Mexico dan Brazil.

Sekembalinya ke Malaysia pada tahun 1976, beliau melancarkan akhbar harian *Watan* yang tujuannya untuk menjadi suara bebas. Akhbar dwibahasa itu adalah untuk menjadi alternatif kepada akhbar arus perdana. Bagaimanapun, akhbar yang dipimpin oleh bekas pengarang *Mastika*, Subky Latif itu gagal dan kemudian menjadi

tabloid politik mingguan.

Pada tahun 1977, beliau aktif dalam dunia korporat apabila menjadi Pengerusi Empat Nombor Ekor Selangor dan Magnum Finance.

Dalam bidang kebajikan, Allahyarham menjadi penaung kepada Persatuan Kebajikan Pekak dan Pusat Sindrom Down Kiwanis. Sementara dalam pertubuhan Islam, Allahyarham aktif dalam Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) dan Yayasan Amanah Pembinaan Islam (A staf).

Aktivitinya dalam sukan amat besar merangkumi Majlis Olimpik dan pelbagai permainan.

Daripada keseluruhan kehidupannya, Allahyarham dapat menjadi contoh kepada rakyat negara ini tentang kepentingan bergiat cergas sepanjang hayat dan berpegang kepada sifat terbuka kepada realiti negara pelbagai kaum dan agama.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnyanya. Al-Fatihah.